

02 AUG 1999

Hasmah-Rawat

LAYAN PESAKIT DENGAN BAIK, KATA HASMAH

IPOH, 2 Ogos (bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini meminta doktor dan jururawat memberi layanan baik kepada pesakit mereka dan melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh rasa tanggungjawab.

Menurutnya doktor dan jururawat tidak perlu berkasar kepada pesakit yang dirawat sebaliknya cuba menyelami perasaan mereka dengan memberi layanan yang baik.

Layanan baik daripada doktor dan jururawat akan membuat pesakit merasa lega dan mahu bekerjasama seperti mengambil ubat mengikut jadual, katanya semasa berucap merasmikan Sudut Bacaan Baiduri di Hospital Ipoh di sini hari ini.

Siti Hasmah berada di sini sempena lawatan dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Perak.

Turut hadir ialah isteri Menteri Besar Perak Raja Puan Sri Noor Ashikin Raja Abdullah yang juga yang dipertua Badan Amal dan Usaha Isteri Wakil Rakyat Perak (Baiduri).

Sudut bacaan Baiduri itu beroperasi pada 1993 dengan kos perbelanjaan RM75,000.

Siti Hasmah juga berharap sektor swasta dapat membantu menjayakan pelbagai kempen yang dijalankan oleh pertubuhan wanita di negara ini terutama bagi membantu hospital daripada segi kewangan atau peralatan.

Bantuan itu dapat meringankan bebanan kewangan hospital terutama bagi merawat pesakit yang mengindap penyakit yang berisiko tinggi.

Menurutnya pertubuhan isteri wakil rakyat seperti Baiduri, Balkis dan Bakti banyak menyumbangkan bantuan kepada hospital-hospital di negara ini.

Noora Ashikin dalam ucapannya pula berkata selain Hospital Ipoh, Baiduri turut membuka sudut bacaan di Hospital Teluk Intan, Changkat Melintang, Kuala Kangsar, Sungai Siput dan Selama.

-- BERNAMA

PBA LAT